

TARIKH : 2/8/2023

SURAT KHABAR : UTUSAN MALAYSIA.

MUKA SURAT : 47

Zii Jia masih nanti tindakan JPP

PETALING JAYA: Pengurusan perseorangan lelaki negara, Lee Zii Jia masih tidak menerima sebarang perkembangan daripada Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) berhubung tuntutan yang dikemukakan bekas jurulatihnya, Indra Wijaya.

Jurulatih kelahiran Indonesia itu bertindak mengheret Zii Jia ke mahkamah setelah kontrak tiga tahunnya ditamatkan November lalu selepas hanya sempat berkhidmat selama sembilan bulan, dan Indra berhasrat mendapatkan semula pampasan gaji untuk baki dua tahun yang ada.

Pengurus Zii Jia, Lee Zii Yii yang ditemui di Akademi Badminton Malaysia (ABM) semalam menjelaskan mereka tidak dapat mengulas lanjut mengenai perkara tersebut kerana masih menanti tindakan yang bakal diusulkan JPP.

Minggu lalu, kedua-dua pihak telah duduk semeja untuk sesi pengantara, namun sehingga semalam, tiada kata putus berjaya dicapai, sekali gus berkemungkinan kes ini bakal dibawa ke sesi pendengaran Mahkamah Perusahaan Malaysia.

"Mengenai isu kontrak

membabitkan Indra (Wijaya), saya tidak dapat memberikan sebarang komen lanjut tentang hal itu.

"Kami menghormati JPP, tetapi sehingga kini kami masih menerima sebarang berita daripada pihak mereka," jelas Zii Yii.

Zii Yii juga jelaskan pemain No. 4 Dunia itu tidak mahu tumpuannya terganggu kerana akan menghadapi jelajah Eropah yang bermula minggu hadapan, Terbuka Jerman pada 7 hingga 12 Mac depan, disusuli All England pada 14 hingga 19 Mac.

+